

KENYATAAN SEBUT HARGA
TARIKH IKLAN : 22 JUN 2026

JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

Sebut harga adalah dipelawa daripada Kontraktor-Kontraktor Bumiputra sahaja yang berdaftar dengan CIDB dan Pusat Khidmat Kontraktor dan telah berdaftar dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak di dalam Gred, Kategori, dan Pengkhususan yang berkaitan yang dimiliki 100% rakyat tempatan dan masih dibenarkan membuat sebut harga pada masa ini untuk melaksanakan kerja-kerja seperti :-

BIL	BIL. SEBUT HARGA DAN TAJUK PROJEK	GRED	KATEGORI & PENGKUSUSAN SERTA DAERAH DIDAFTARKAN	TARIKH/MASA/ TEMPAT BERKUMPUL DAN TAKLIMAT SEBUT HARGA	TARIKH/WAKTU/ TEMPAT SEBUT HARGA DITUTUP
1	PPN.PK. (SH) 90/2026 (BK) KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN KEMUDAHAN TAMAN EKO RIMBA KLEDANG SAIONG SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DAERAH KINTA MANJUNG PERAK DARUL RIDZUAN	G1	Kategori CE Pengkhususan CE21 Daerah KINTA	30-06-2026 Jam 2.30 ptg TAMAN EKO RIMBA KLEDANG SAIONG	8/7/2026 Jam 12.00 tengahari Bilik Tender, Aras Bawah Jabatan Perhutanan Negeri, Persiaran Meru Utama, Perak Darul Ridzuan, Ipoh.
*Sebut harga yang lewat , tidak akan diterima					


- 1 Kontraktor-kontraktor yang berminat adalah **DIWAJIBKAN** menghadiri lawatan ke tapak bina. Tempat-tempat berkumpul dan tarikh/masa lawatan ke tapak bina berkenaan adalah seperti yang ditetapkan di atas.

Hanya penama syarikat di dalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja boleh menghadiri lawatan tapak/taklimat sebut harga.

Hanya syarikat yang mempunyai (TCC) berstatus PATUH sahaja boleh menghadiri lawatan tapak/taklimat sebut harga.

- 2 Borang sebut harga akan dijual dengan harga RM20.00 kepada kontraktor-kontraktor atau penama-penama yang sah sahaja. Untuk maksud ini kontraktor-kontraktor atau wakil-wakilnya hendaklah mengemukakan **Sijil Pendaftaran Asal** yang dikeluarkan oleh **Pusat Khidmat Kontraktor, CIDB dan Resit Pendaftaran dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak**. Borang sebut harga boleh didapati/dibeli sehingga satu hari sebelum tarikh tutup sebut harga.
- 3 Semua bayaran hendaklah dalam bentuk **Kad Debit / Wang Pos / Kiriman Wang** atau **Bank Deraf** atas nama **"BENDAHARI NEGERI PERAK"**.
- 4 Syarikat/Kontraktor/Pembekal hendaklah berdaftar dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak sebelum membeli dokumen sebut harga serta dilampirkan didalam dokumen sebut harga.
- 5 Pemilihan kontraktor yang berjaya adalah berdasarkan analisa sistem 'cut-off'. Oleh yang demikian, kerajaan tidak terikat untuk menerima sebut harga terendah atau sebarang sebut harga.
- 6 Dokumen sebut harga boleh dibeli mulai **01 JULAI 2026** hingga sehari sebelum tarikh tutup sebut harga pada waktu pejabat di **Bahagian Kejuruteraan, Aras 2, Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Persiaran Meru Utama, Bandar Meru Raya, 30020, Ipoh, Perak**.
- 7 Dokumen sebut harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri yang ditulis dipenjuru kanan sampul surat, no. sebut harga dan dialamatkan seperti dibawah dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di **Bilik Tender, Aras Bawah, Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Persiaran Meru Utama, Bandar Meru Raya 30020 Ipoh** sebelum atau pada **08 JULAI 2026** pada jam 12.00 tengahari.

PENGARAH PERHUTANAN NEGERI
PERSIARAN MERU UTAMA
BANDAR MERU RAYA
30020 IPOH, PERAK


AZNI RAHMAN BIN A. WAHID PMP., DSM, AAP, AMP.
Timbalan Pengarah (Pembangunan)
Jabatan Perhutanan Negeri
Perak Darul Ridzuan

b.p. Pengarah Perhutanan Negeri Perak